

08 NOV 1998

Mustapa-ekonomi

PENGGUNAAN DANA TEMPATAN SEBAGAI SUMBER PEMBIAYAAN BERHASIL

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Pendekatan Malaysia menggunakan sumber kewangan tempatan daripada menumpukan kepada pinjaman asing untuk membiayai projek pembangunan, kini berjaya membawa negara kembali kepada pemulihan ekonomi, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

Keyakinan rakyat kepada kerajaan serta sikap suka menabung juga membantu usaha kerajaan dalam mencari penyelesaian mengatasi kegawatan ekonomi negara yang berlaku akibat tindakan spekulator mata wang, katanya semasa merasmikan persidangan pemulihan ekonomi kebangsaan di sini hari ini.

Mustapa, yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun sejumlah besar dana tempatan telah digunakan untuk membiayai projek pembangunan, negara masih memerlukan pinjaman luar untuk merencanakan semula aktiviti ekonominya.

Persidangan sehari anjuran Persatuan Kebangsaan Agen-agen Insurans Nyawa Malaysia yang dihadiri 5,000 peserta itu, juga diberitahu bahawa Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara (NERP) yang melibatkan beberapa langkah drastik kini mula menampakkan kejayaannya.

Dua langkah drastik itu yang diperkenalkan awal September lepas ialah kawalan mata wang dan kawalan modal jangka singkat.

Mustapa mengaku kerajaan membuat beberapa kesilapan pada peringkat awal menangani kegawatan ekonomi sehingga pertumbuhan ekonomi menguncup yang menyebabkan usahawan menjadi kalam kabut.

"Sejak beberapa langkah baru diambil September lepas, negara kini bergerak ke arah pemulihan ekonomi," katanya.

Beliau kesal kerana terdapat segilintir rakyat negara ini bersekongkol dengan "orang luar" untuk cuba menimbulkan haru hara pada ketika ekonomi negara mula hendak rancak semula.

"Tindak tanduk minoriti kecil ini, merosakkan imej negara serta menggugat kestabilan," katanya.

Mustapa juga membidas media asing yang membuat fitnah dengan laporan tidak benar mengenai negara ini sehingga menakutkan pelabur dan pelancong.

-- BERNAMA

SJA MAI